

21 OCT 1999

DR MAHATHIR MULAKAN LAWATAN DUA HARI KE KEDAH

ALOR SETAR, 21 Okt (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad tiba di Lapangan Terbang Sultan Abdul Halim, Kepala Batas, pagi ini untuk memulakan lawatan dua hari ke Kedah.

Ketibaan beliau bersama isteri Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohamed Ali pada pukul 9.25 pagi dari Kuala Lumpur disambut Menteri Besar Tan Sri Sanusi Junid, Menteri Pertanian Datuk Amar Dr Sulaiman Daud dan para anggota Exco Kerajaan Negeri.

Sejurus selepas tiba Dr Mahathir akan melakukan upacara pecah tanah tapak Sekolah Menengah Paya Kemunting di Jitra, diikuti jamuan tengah hari bersama penduduk Felda Batu 8, Changlon dan majlis perhimpunan pemimpin bersama usahawan tani di Sekolah Menengah Kebangsaan Batu 17 di Sedaka, Yan.

Pada malamnya beliau akan mengadakan perjumpaan dengan pemimpin parti komponen Barisan Nasional (BN) di Dewan Institut Perguruan Darul Aman.

Pagi esok, Dr Mahathir akan mengadakan perjumpaan dengan anggota UMNO bahagian Kubang Pasu di Dewan Jitra, Jitra.

Acara terakhir dalam jadual lawatan beliau sebelum berangkat pulang ke Kuala Lumpur, ialah lawatan ke galeri Muzium Batu di Nongka, Mukim Hosba.

-- BERNAMA

MZM NMO